

PENGGUNAAN ALAT BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR

THE USE OF TEACHING AIDS IN THE TEACHING OF MALAY LANGUAGE USING A STUDENT-CENTERED LEARNING APPROACH

Alizah Lambri¹

Universiti Pendidikan Sultan Idris.
(Email: alizah@fbk.upsi.edu.my)

Zamri Mahamood²

Universiti Kebangsaan Malaysia.
(Email: d-zam@ukm.edu.my)

Received date: 18-09-2019

Revised date: 06-10-2019

Accepted date: 21-10-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Lambri, A., & Mahamood, Z. (2019). Penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 78-94.

DOI: 10.35631/IJEP.433007

Abstrak: Kajian ini bertujuan melihat alat dan bahan bantu mengajar (ABM/BBM) yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar di institusi pengajian tinggi. Dalam kajian ini, pelaksanaan pendekatan berpusatkan pelajar hanya dilihat dalam satu kursus Bahasa Melayu sahaja. Kajian ini melibatkan seorang pensyarah Bahasa Melayu sebagai peserta kajian utama, manakala pelajar yang terlibat semasa proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh kajian dibuat turut dijadikan sebagai informan. Dapatan kajian mendapati, terdapat pelbagai ABM/BBM yang digunakan oleh pensyarah bagi tujuan menggalakkan penglibatan aktif pelajar mengikuti sesi pembelajaran. Walau bagaimanapun, bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan lebih lancar bersesuaian dengan perkembangan pedagogi abad ke-21 serta bagi menyahut cabaran Education 4.0, para pensyarah disarankan agar lebih peka terhadap perkembangan teknologi terkini agar pelbagai ABM/BBM dapat digunakan di dalam kelas bersesuaian dengan perkembangan dunia pendidikan kini yang tidak dapat dipisahkan dengan perkembangan teknologi.

Kata Kunci: Alat Bantu Mengajar; Pembelajaran Berpusatkan Pelajar; Institusi Pengajian Tinggi; Bahasa Melayu

Abstract: This study was aimed at looking at teaching tools and materials (ABM / BBM) used by lecturers in implementing student-centered learning at institutions of higher learning. In this

study, the implementation of a student-centered approach is only seen in one Malay language course. This study involved a Malay language lecturer as the main research participant, while the students involved during the learning process during the study were also made informants. The findings show that there are a variety of ABM / BBM used by lecturers for the purpose of promoting active involvement of students following the learning session. However, in order to ensure that the learning process takes place more smoothly in line with the development of the 21st century pedagogy and to address the challenges of Education 4.0, lecturers are advised to be more aware of the latest technology developments so that ABM / BBM can be used in class in line with world development education is now inseparable with technological developments.

Keywords: *Teaching Aids; Student-Centered Learning; Higher Education Institutions; Malay Language*

Pengenalan

Kaedah pengajaran yang bersifat suapan, misalnya menerusi teknik kuliah semata-mata yang hanya mementingkan supaya pelajar menerima apa sahaja yang disogok oleh pensyarah dilihat tidak lagi sesuai dengan pembaharuan kurikulum dan perubahan budaya belajar dan budaya mengajar kini khususnya di peringkat pengajian tinggi (Alizah, 2015). Oleh yang demikian, bertepatan dengan revolusi *Education 4.0*, pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan pendekatan pembelajaran yang perlu diberikan tumpuan pada masa kini. Dalam konteks pembelajaran berpusatkan pelajar, selain kaedah pengajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran juga merupakan aspek yang penting dalam sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Lazimnya sumber pengajaran terdiri daripada tiga kategori, iaitu bahan rujukan seperti sukatan pelajaran, buku panduan mengajar dan buku sumber. Kategori kedua ialah bahan pengajaran seperti alat bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah semasa mengajar. Manakala, kategori yang ketiga ialah bahan pembelajaran seperti buku teks dan alat-alat yang digunakan oleh pelajar untuk menjalankan aktiviti pembelajaran. Menurut kajian pakar-pakar pendidikan, 75% daripada maklumat yang diperolehi oleh manusia adalah melalui deria penglihatan, 13% daripada deria pendengaran dan selebihnya melalui deria sentuh, rasa dan bau (Mook Soon Sang 2008). Oleh yang demikian, sumber pengajaran dan pembelajaran, khususnya alat pandang dengar memainkan peranan penting dalam aktiviti P&P. Penggunaan alat bantu mengajar dalam proses P&P Bahasa Melayu berpusatkan pelajar adalah bertujuan untuk memudahkan pelajar memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran yang dipelajari.

Berdasarkan kajian lepas, Nur Fadzilah (2010) mendapati bahawa, kebanyakan pengajaran di peringkat tertinggi di Malaysia dijalankan secara kaedah visual dan auditori serta perbincangan di dalam kelas. Senario tersebut menyebabkan proses P&P bersifat satu hala, iaitu hanya melibatkan komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Dalam situasi seperti ini, pelajar hanya mendengar pengajaran daripada pensyarah dan mencatat isi kandungan pelajaran yang disampaikan. Walker (2003) menjelaskan, sekiranya ingin meningkatkan tahap pemikiran kritikal, kaedah P&P secara kuliah perlu dikurangkan. Hal ini demikian kerana, menerusi teknik kuliah, pendidik menyusun dan mempersembahkan maklumat yang diperlukan tanpa input daripada pelajar.

Sementara itu, menurut Mohamed Khaled Nordin (2011), pensyarah perlu melakukan penambahbaikan dalam pengajaran mereka dan perlu lebih berinovasi dalam usaha untuk memperbaiki teknik pengajaran. Oleh itu, dalam usaha menambah baik kualiti pembelajaran

dan pengajaran di institusi pengajian tinggi, perhatian kepada aspek-aspek perkembangan dan potensi pelajar secara menyeluruh juga perlulah diterapkan. Perkembangan dan kemajuan dalam pendidikan tanah air bukan hanya mementingkan kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi juga turut menggalakkan para pendidik Bahasa Melayu menekankan pelbagai kemahiran insaniah seperti, kemahiran berfikir, kemahiran belajar, dan kebolehan menguasai bahasa kedua dengan baik (Ahmad, 2005). Hal ini termasuklah kemahiran mengguna dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran (Umi Nadiha, Zamri dan Jamaludin Badusah, 2011). Oleh yang demikian, secara tidak langsung penggunaan pelbagai alat dan bantu mengajar (ABM/ BBM) juga amat diperlukan bagi memastikan sesuatu pengajaran tersebut tidak membosankan. Menurut Dawi (2002), bidang pendidikan tidak dapat lari daripada menggunakan ABM/BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknologi yang digunakan dalam pendidikan berubah daripada yang tradisional kepada apa yang ada pada hari ini. Adalah tidak wajar bagi pendidik pada era sains dan teknologi kini masih meneruskan pengajaran mereka dengan cara lama yang hanya berdasarkan buku teks atau 'chalk and talk' semata-mata (Mohamed Nor Azhari Azman et al., 2014).

Sorotan Literatur

Konsep Berpusatkan Pelajar

Pada abad ke-21 ini, aspek pembelajaran yang berkesan menekankan perancangan yang rapi. Perancangan ini berdasarkan ketetapan objektif, isi pelajaran, strategi, kejelasan pendekatan serta kerelevanan bahan-bahan pengajaran. Pemilihan isi pelajaran, aktiviti serta bahan-bahan pembelajaran yang bersifat kontekstual yang bermakna dapat memberikan implikasi positif kepada para pelajar. Kepelbagaian penggunaan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik oleh guru adalah disebabkan oleh perbezaan individu. Aktiviti P&P yang berpusatkan pelajar seperti teknik-teknik interaktif dalam pembelajaran aktif dijadikan sebagai fokus utama dalam proses pendidikan terkini (Asmawati Mohd Ali et al., 2018).

Menurut Alizah & Zamri (2019), pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dapat menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran mereka. Manakala, guru atau pensyarah pula berperanan sebagai pemimpin kepada pelajar. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, guru atau pensyarah perlu menggalakkan para pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri (Dewey, 1993). Istilah berpusatkan pelajar berasal daripada terapi "*client-centred*" (Rogers 1965; Withall 1991). Dalam hal ini, para pendidik perlu sedar dan mengambil berat akan keperluan efektif dan kognitif pelajar. Pendidik boleh menggunakan pelbagai tingkah laku untuk menguruskan pembelajaran, misalnya menyusun fizikal untuk bersemuka, dialog pada level '*eye-level*' yang sama di antara pendidik dan pelajar, dan pelajar dengan pelajar serta mengurangkan jarak sosial antara pelajar dengan pengajar (Withall, 1991). P&P berpusatkan pelajar juga memberi kebebasan kepada pelajar menentukan pembelajaran mereka sendiri. Di samping itu, turut memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar. Ciri-ciri P&P berpusatkan pelajar menurut Mok Soon Sang (2008) ialah:

1. Dalam P&P, pelajar memainkan peranan utama dan pensyarah menjadi pembimbing
2. Interaksi di dalam kelas merupakan interaksi dua hala
3. Pensyarah bersifat demokratik, pelajar sentiasa digalakkan memberikan pendapat mereka dan kaedah perbincangan sangat digalakkan
4. Penyampaian pensyarah lebih tertumpu kepada pengajaran bermakna
5. Aktiviti kumpulan sangat digalakkan

6. Pelajar digalakkan untuk menjadi lebih kreatif dan berinisiatif.

Berdasarkan ciri tersebut, jelas menunjukkan bahawa P&P berpusatkan pelajar mengutamakan peranan pelajar, berbanding pensyarah. Setiap individu belajar dengan cara yang berbeza. Sehubungan itu, dengan mengaplikasikan pelbagai kaedah dalam P&P, dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran yang disampaikan. Pelajar juga diandaikan dapat menerima sekurang-kurangnya satu daripada kaedah yang dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, jika pengajar hanya menggunakan satu kaedah pengajaran sahaja, pelajar akan menjadi bosan.

Pemilihan dan Penggunaan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar

Dalam konteks pembelajaran berpusatkan pelajar, selain pemilihan kaedah yang digunakan oleh pensyarah, pemilihan dan penggunaan alat serta bahan yang sesuai juga turut mempengaruhi keberkesanan sesebuah proses P&P. Penggunaan pelbagai sumber P&P amat penting bagi memastikan para pelajar seronok untuk mengikuti pembelajaran. Bahan rujukan guru seperti sukatan pelajaran, buku panduan mengajar dan buku sumber merupakan panduan kepada pendidik Bahasa Melayu mengkaji dan meneliti aspek yang perlu diberi keutamaan semasa P&P berlangsung. Dengan adanya bahan rujukan, pensyarah atau guru Bahasa Melayu dapat merancang persediaan mengajar dengan lebih baik dan berkesan, serta dapat menyediakan alat bantu mengajar yang sesuai dengan topik pembelajaran yang diajar. Pada abad ke 21- ini, sumber pengetahuan utama merupakan sumber yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Dengan itu, kemudahan seperti komputer, Internet dan multimedia amat diperlukan bagi menimbulkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, berkesan dan lebih bermakna kepada pelajar (Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustafa, 2017).

Bahan pengajaran dalam konteks P&P Bahasa Melayu merujuk kepada alat bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah semasa mengajar. Bahan-bahan pengajaran boleh terdiri daripada slaid power point, video, rakaman, gambar, papan putih, keratan akhbar, iklan dan lain-lain. Bahan dan alat bantu mengajar penting untuk membantu pensyarah menyampaikan isi pelajarannya, merangsang minat pelajar supaya dapat memberi fokus terhadap isi pelajaran yang disampaikan dan memudahkan pensyarah menyampaikan pelajarannya. Hal ini demikian kerana, dengan adanya alat atau bahan bantu mengajar (ABM/BBM) yang sesuai, pensyarah tidak perlu membuat huraian yang banyak, sebaliknya ABM dan BBM yang digunakan dapat membantu pemahaman pelajar. ABM dan BBM juga penting untuk menjimatkan masa pengajarannya kerana pensyarah tidak perlu membuang masa untuk membuat penerangan lanjut tentang sesuatu perkara, sebaliknya dengan menggunakan ABM dan BBM yang sesuai, pelajar akan dapat memahami isi pelajaran yang disampaikan dengan lebih mudah. Bagi memastikan pensyarah Bahasa Melayu memilih alat bantu mengajar (ABM) atau bahan bantu mengajar (BBM) yang baik, berikut merupakan kriteria yang boleh dijadikan panduan:

1. ABM/BBM mestilah bersesuaian dengan aktiviti P&P. Isi kandungan harus tepat dan berkait rapat dengan topik yang dibincangkan.
2. ABM/BBM harus mengandungi idea-idea dan reka bentuk yang asli dan tersendiri
3. ABM/BBM yang digunakan membantu pensyarah dan pelajar untuk lebih memahami isi pelajaran yang disampaikan.
4. ABM/BBM yang digunakan mesti menarik dan berkesan terhadap pembelajaran pelajar
5. ABM/BBM yang digunakan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar

6. ABM/BBM yang digunakan seharusnya mengandungi nilai-nilai murni. Gambar yang tidak sopan atau bahan-bahan yang berunsur negatif perlulah dielakkan.

Kriteria ABM/BBM yang dinyatakan diharap dapat membantu melancarkan lagi proses P&P Bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh pensyarah dan guru.

Di peringkat pengajian tinggi, walaupun para pelajar sudah dianggap matang dan boleh memahami isi pelajaran tanpa adanya bantuan ABM atau BBM, namun penggunaan ABM/BBM masih lagi diperlukan bagi tujuan menarik minat pelajar. Misalnya, di dalam kelas, lazimnya kuliah akan dijalankan selama dua hingga tiga jam. Keadaan ini akan menimbulkan rasa mengantuk dalam kalangan pelajar, apatah lagi jika pensyarah hanya menggunakan kaedah pengajaran secara kuliah sahaja. Dalam hal ini, peranan ABM/BBM sangat penting bagi tujuan mengurangkan rasa bosan pelajar semasa kuliah dijalankan. Dalam pada itu, penggunaan ABM/BBM di peringkat pengajian tinggi juga bertujuan untuk merangsang pemikiran pelajar, agar dapat membuka minda serta menjana pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan mereka. Namun, ABM/BBM yang digunakan di peringkat pengajian tinggi haruslah bersesuaian dengan tahap dan pemikiran pelajar.

Soalan Kajian

1. Apakah alat dan bahan bantu mengajar (ABM/BBM) yang digunakan oleh pensyarah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar di institusi pengajian tinggi?

Objektif Kajian

1. Menjelaskan alat dan bahan bantu mengajar (ABM/BBM) yang digunakan oleh pensyarah dalam pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual separa berstruktur. Peserta kajian yang terlibat ialah seorang pensyarah Bahasa Melayu yang mengajar salah satu kursus Bahasa Melayu di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT). Pelajar IPT turut dilibatkan sebagai informan dalam kajian ini. Bagi menentukan pemilihan peserta kajian, pengkaji menggunakan teknik *judgement sampling* (Spradley 1979; Jorgensen, 1989). Teknik ini membenarkan pengkaji menggunakan akal, peluang, masa yang ada dan persoalan kajian (Jorgensen, 1989) sebagai kriteria dalam pemilihan peserta kajian. Berdasarkan perkara tersebut, tiga kriteria ditetapkan pengkaji untuk memilih peserta kajian utama. Antara kriteria peserta kajian yang ditentukan oleh pengkaji ialah:

1. Pensyarah yang dipilih mestilah mempunyai latar belakang akademik dalam bidang Bahasa Melayu;
2. Pensyarah yang dipilih ada menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pengajarannya; dan
3. Pensyarah yang dipilih bersetuju menjadi peserta kajian dalam kajian ini.

Selain pensyarah, kajian ini turut melibatkan pelajar sebagai informan. Hal ini demikian kerana, pelajar merupakan sumber maklumat kedua yang boleh membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan ABM dan BBM yang digunakan oleh pensyarah dalam P&P Bahasa Melayu berpusatkan pelajar. Secara umum, semua pelajar yang terlibat semasa proses

pemerhatian P&P di dalam kelas turut menjadi peserta kajian. Walau bagaimanapun, untuk temu bual, pengkaji hanya melibatkan seramai 21 orang pelajar sahaja. Oleh itu, secara khusus peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada seorang pensyarah Bahasa Melayu dan 21 orang pelajar.

Selaku instrumen utama dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan teknik pemerhatian dan teknik temu bual separa berstruktur untuk memperoleh data. Semasa pemerhatian dijalankan, pengkaji hanya berfungsi sebagai pemerhati dan membiarkan peserta kajian melaksanakan pengajarannya tanpa gangguan daripada pengkaji. Pengkaji hanya memerhati, merakam dan mencatat setiap tingkah laku peserta semasa pengajaran berlangsung.

Dalam kajian ini pengkaji telah membuat sebanyak 39 kali pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pemerhatian ini dilaksanakan terhadap tiga kumpulan kelas yang diajar oleh peserta kajian, iaitu kumpulan A, kumpulan B dan kumpulan C. Rujuk jadual 1, pemerhatian yang telah dilaksanakan.

Jadual 1: Pemerhatian Di Dalam Kelas

Bil.	Pemerhatian	Tarikh	Masa	Lokasi
1.	Kumpulan B	19 Februari	11-12 pm	B.E Learning 16
2.	Kumpulan C	19 Februari	2-3 pm	DKL
3.	Kumpulan A	20 Februari	8-10 am	BKF
4.	Kumpulan C	21 Februari	11-1 pm	DKF
5.	Kumpulan B	21 Februari	5-7 pm	DKB
6.	Kumpulan A	22 Februari	10-11 am	TS 5
7.	Kumpulan B	26 Februari	11-12 pm	B.E Learning 16
8.	Kumpulan A	27 Februari	8-10 am	DKF
9.	Kumpulan C	28 Februari	11-1 pm	DKF
10.	Kumpulan B	28 Februari	5-7 pm	DKB
11.	Kumpulan A	1 Mac	10-11 am	TS 5
12.	Kumpulan B	5 Mac	11-12 pm	B.E Learning 16
13.	Kumpulan C	7 Mac	11-1 pm	DKF
14.	Kumpulan B	7 Mac	5-7 pm	DKB
15.	Kumpulan A	13 Mac	8-10 am	DKF
16.	Kumpulan C	14 Mac	11-1 pm	DKF
17.	Kumpulan B	14 Mac	5-7 pm	DKB
18.	Kumpulan A	20 Mac	8-10 am	DKF
19.	Kumpulan C	21 Mac	11-1 pm	DKF
20.	Kumpulan B	21 Mac	5-7 pm	DKB
21.	Kumpulan A	27 Mac	8-10 am	DKF
22.	Kumpulan C	28 Mac	11-1 pm	DKF
23.	Kumpulan B	29 Mac	5-7 pm	DKB
24.	Kumpulan A	3 April	8-10 am	DKF
25.	Kumpulan C	4 April	11-1 pm	DKF
26.	Kumpulan B	4 April	5-7 pm	DKB
27.	Kumpulan A	17 April	8-10 am	DKF
28.	Kumpulan C	18 April	11-1 pm	DKF
29.	Kumpulan B	18 April	5-7 pm	DKB
30.	Kumpulan A	24 April	8-10 am	DKF
31.	Kumpulan C	25 April	11-1 pm	DKC

32.	Kumpulan B	25 April	5-7 pm	DKB
33.	Pembentangan Drama	27 April	2-6 pm	DKC
34.	Kumpulan B	7 Mei	11-12 pm	B. E Learning 16
35.	Kumpulan C	7 Mei	2-3 pm	B. E Learning 16
36.	Kumpulan A	8 Mei	8-10 am	DKF
37.	Kumpulan C	9 Mei	11-1 pm	DKF
38.	Kumpulan B	9 Mei	5-7 pm	DKB
39.	Kumpulan A	10 Mei	10-11 am	TS 5

Selain itu, temu bual merupakan teknik kedua yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data yang lebih terperinci dan mendalam. Menurut Punch (2001), temu bual merupakan kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti soal jawab antara pengkaji dan responden. Kaedah ini amat berguna bagi mendapatkan data yang banyak dan segera. Merriam (1988) menyatakan bahawa, temu bual merupakan satu cara yang cepat untuk mendapatkan maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat (Merriam, 1988). Dalam konteks kajian ini, temu bual dibuat antara pengkaji dengan peserta kajian untuk memperoleh maklumat yang tepat dan betul serta bagi tujuan mengesahkan lagi dapatan yang diperolehi daripada pemerhatian. Penggunaan teknik temu bual juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada peserta kajian sendiri.

Semasa temu bual dijalankan, pengkaji merakamkan temu bual dengan menggunakan alat perakam suara *Sony IC Recoder*. Pengkaji merakamkan semua temu bual dan kemudiannya membuat transkripsi data temu bual tersebut. Dalam kajian ini temu bual pensyarah dijalankan sebanyak lima kali, manakala temu bual pelajar dilaksanakan sebanyak sembilan kali dengan melibatkan 21 orang pelajar. Pengkaji memberikan peluang yang secukupnya kepada semua peserta kajian untuk menyampaikan apa sahaja yang mereka ingin sampaikan semasa temu bual dijalankan. Tidak ada had masa ditentukan. Jadual 2 dan 3 berikut menunjukkan sesi temu bual pensyarah dan temu bual pelajar yang telah dilaksanakan.

Jadual 2: Temu Bual Bersama Pensyarah

Bil.	Temu bual	Tarikh	Pengesahan Temu bual	Tarikh
1.	Temu bual 1	7 Mac	Temu bual 1	21 Mac
2.	Temu bual 2	21 Mac	Temu bual 2	26 Jun
3.	Temu bual 3	26 Jun	Temu bual 3	2 Julai
4.	Temu bual 4	2 Julai	Temu bual 4	11 Oktober
5.	Temu bual 5	11 Oktober	Temu bual 5	11 Oktober

Jadual 3: Temu Bual Bersama Pelajar

Bil	Temu Bual	Tarikh	Pengesahan Temu bual	Tarikh
1.	Temu bual 1	15 Mei	Temu bual 1	5 Jun
2.	Temu bual 2	15 Mei	Temu bual 2	5 Jun
3.	Temu bual 3	16 Mei	Temu bual 3	7 Jun
4.	Temu bual 4	16 Mei	Temu bual 4	7Jun
5.	Temu bual 5	17 Mei	Temu bual 5	5 Jun
6.	Temu bual 6	17 Mei	Temu bual 6	5 Jun
7.	Temu bual 7	21 Mei	Temu bual 7	13 Jun
8.	Temu bual 8	23 Mei	Temu bual 8	10 Jun
9.	Temu bual 9	24 Mei	Temu bual 9	12 Jun

Dalam kajian ini pemaparan data dilakukan dalam bentuk deskriptif naratif, iaitu memperihalkan semula apa yang diperkatakan oleh peserta kajian. Selain itu, pemaparan data juga disokong oleh petikan verbatim untuk menyokong penjelasan dan huraian pengkaji. Bagi menjelaskan data yang dianalisis, pemaparan data dipersembahkan dengan memaparkan carta dan jadual bagi memudahkan pemahaman pembaca terhadap interpretasi yang dilakukan. Dalam proses pemaparan data, pengkaji menjelaskan aspek yang menjadi tumpuan pengkaji dalam kajian ini, iaitu penggunaan ABM/ BBM dalam pelaksanaan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar.

Dapatan Kajian

Alat dan Bahan Bantu Mengajar (ABM/BBM) yang Digunakan dalam Pengajaran Kursus Bahasa Melayu di IPT

Dalam kajian ini, pengkaji telah meneliti alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah bagi menarik minat pelajar mengikuti isi pelajaran. Alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan meliputi ABM dan BBM yang secara langsung digunakan di dalam kelas dan juga di luar kelas. Alat dan bahan bantu mengajar (ABM/BBM) merupakan elemen yang penting bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam membantu merealisasikan PBP.

Dapatan kajian berdasarkan pemerhatian mendapati sepanjang pengajaran, pensyarah kerap menggunakan slaid power point sebagai bahan utama pengajaran. Di samping itu, terdapat bahan sokongan lain yang turut digunakan seperti tayangan video, sedutan iklan, dan drama pendek. Bagi pengkaji, semua bahan bantu mengajar yang beliau gunakan adalah bertujuan untuk membantu memberi kefahaman kepada pelajar tentang apa sahaja isi pelajaran yang beliau sampaikan. Pensyarah menayatkan bahawa beliau berusaha mempelbagaikan alat dan bahan bantu mengajar agar dapat menarik minat pelajar mengikuti pembelajaran. Data temu bual dan pemerhatian berikut menunjukkan alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah semasa melaksanakan P&P berpusatkan pelajar.

Dapatan temu bual 1:

*PK: Saya akan **dapatkan maklumat itu daripada 'You Tube'** misalnya, saya tunjukkan contoh kepada mereka. [TB1/11/226-228]*

*PK: Saya **tunjukkan juga melalui internet, cara penulisan artikel** yang bersifat ilmiah bagaimana. [TB1/11/231-232]*

*PK: Saya minta mereka buat blog. Jadi, itu memang melibatkan **teknologi** [TB1/11/242-244]*

Dapatan pemerhatian:

Catatan Pemerhatian: PK menayangkan satu **video** yang ada kaitan dengan isi pelajaran (mikro sosiolinguistik) untuk dinilai oleh pelajar. [P17/M4/KA/47/1075-1076]

Dapatan pemerhatian:

PK: Kamu boleh rujuk ialah, saya ada cakap sebelum ni? Gema online journal.

PP: Belum

PK: Belum? Kesiannya kumpulan ni. Dianaktirikan. Gema Online Journal atau pun Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Ini secara dalam talian. Boleh nampak ke? Boleh nampak ke?

P: Boleh.

Catatan Pemerhatian: PK menunjukkan link jurnal (**Gema Online Journal**) yang boleh diakses oleh pelajar. [P5/M1/KB/3-4/57-65]

Selain slaid power point, video, lirik lagu, jurnal atas talian, sedutan iklan dan artikel-artikel yang berkaitan turut dijadikan sebagai ABM dan BBM. Kadang kala, pengalaman pensyarah dan pelajar juga turut dijadikan sebagai bahan bantu pengajaran bagi memudahkan pemahaman pelajar.

Para pelajar yang mengikuti sesi pembelajaran pensyarah memberikan maklum balas tentang alat dan bahan bantu mengajar yang sering digunakan oleh pensyarah dalam P&P Bahasa Melayu berpusatkan pelajar.

Data Temu bual Pelajar:

*P: Bagi saya secara keseluruhannya Dr. banyak menggunakan **power point** dan **video**. Tapi **power point** dan **video** tu memang banyak **membantu lah dalam pengajaran**. [Tika/TBK3/32/714-717]*

*P: Apa yang saya lihat bahan bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah sendiri yang biasa digunakan ialah **power point** dan bahan-bahan rujukan lain seperti kalau macam untuk aktiviti anak tupai tu, **video**, **lirik lagu**. Kalau ada berkaitan dengan masalah ataupun sesuatu isu ataupun topik yang ingin dibangkitkan dia cuba untuk mencari atau mengetengahkan satu **rencana** bagi menyokong isu tersebut. [Razif/TBK3/31/698-705]*

*P: Pensyarah banyak menggunakan **slide**. Lepas tu kalau dalam lagu tu dia banyak menggunakan **video**. [Ekin/TBK4/17/378-379]*

*P: Alat bantu yang digunakan oleh Pensyarahialah **power point**, **video**. Dia memang **membantu pelajar untuk lebih memahami dan jelas** kerana bila menggunakan **power point** dan **video** tu secara tidak langsung ia jelas terpapar di hadapan pelajar dan pelajar pun dapat melihat dan membaca dengan jelas lah. [Nurul/TBK6/30/676-682]*

*P: Alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Dr. secara keseluruhannya banyak menggunakan **slide** lah. Lagi satu untuk menarik minat pelajar. Dr. ada menyelitkan **tayangan video**, selain menggunakan **slide** Dr. juga menggunakan **papan putih** untuk mungkin memberikan kefahaman kepada pelajar dan Dr. juga ada selitkan teknik bercerita lah untuk menyampaikan suatu maklumat kepada pelajar. [Leez/TBK7/28/630-637]*

*P: Antara yang digunakan **slide**, **papan putih** dan **juga video** dalam kelas. Paling menarik perhatian saya adalah **video** lah. Maknanya dalam kelas tu tumpuan akan lebih diberikan semasa **video** tu dipaparkan [Emma/TBK8/30/660-663]*

*P: Beliau banyak menggunakan **slide**. Saya sangat berpuas hati dengan tindakan beliau menggunakan **tetikus yang wireless**, kerana beliau boleh berjalan di satu kelas tu dengan bebas. Beliau boleh mendekati pelajar, walaupun beliau memegang tetikus tu. [Farah/TBK2/23/512-516]*

*P: Beliau tidak menggunakan banyak ABM, tapi ABM yang kita boleh nampak ialah lebih kepada **slide** lebih kepada penggunaan **LCD** lah, tapi pada masa yang sama, dalam slide itu bukan satu benda yang beliau tunjukkan. Beliau tunjukkan sesuatu dari **You Tube**, dari laman-laman web tertentu. [Tina/TBK2/23/518-524]*

*P: Alat bantu mengajar yang lazimnya pensyarah gunakan sudah semestinya lah **slide power point** dan juga penggunaan **video** lah mungkin bertujuan satu dari segi penyampaian dan bertujuan untuk memberi fokus kepada pelajar. [Fiq/TBK8/29/646-651]*

*P: Penggunaan ABM dan BBM oleh Pensyarah beliau banyak menggunakan **power point** lah. Walaupun dia banyak menggunakan power point, tapi dia berjaya juga menimbulkan satu proses P&P yang menarik walaupun hanya menggunakan satu teknologi, iaitu **komputer ICT** kan guna power point, [Ed/TBK7/29/639-644]*

*P: ABM dia tu sangat meluas lah selain menggunakan **video**, **slide** dia juga ada menggunakan **papan tulis**, lepas tu sokongan kepada isu yang dia sampaikan tu, dia macam cari **rencana** juga. [Lan/TBK3/32/707-710]*

*P: Saya rasa penggunaan **video** paling best, paling sesuai. Video tu kan boleh **menarik perhatian** dalam masa yang sama dapat menyampaikan isi pelajaran yang hendak dibincangkan. [Sharifah/TBK4/18/384-387]*

Dalam temu bual bersama pelajar, mereka turut menyatakan bahawa, antara alat dan bahan yang sering digunakan oleh pensyarah ialah slaid power point, Namun demikian, selain slaid dan video terdapat juga alat dan bahan bantu mengajar lain yang digunakan, misalnya lembaran nota, lagu-lagu, dan jurnal atas talian.

Data Temu bual Pelajar:

*P: Alat bantu mengajar yang digunakan seperti **lembaran nota**, kemudian **komputer** yang digunakan. Bahan bantu mengajar yang beliau berikan ialah contohnya macam **video**. Maksudnya, penggunaan alat bantu mengajar dan bahan bantu mengajar yang digunakan sebenarnya sangat **berkesan kepada kami dalam setiap proses P&P** yang dijalankan oleh Pensyarah [Azie/TBK1/23/510-516]*

*P: Yang paling menarik masa Dr. ajar bahan ditunjukkan bahan **lagu**, meminta kami untuk menyanyikan lagu tersebut. [Ziha/TBK1/23/520-522]*

Contoh:

*P: **Video**, dari segi **lagu-lagu** yang berkaitan dengan masyarakat. [Sal/TBK2/24/526-527]*

*P: **Jurnal online yang Gema online** tu, Dr. ada tunjuk untuk cari jurnal-jurnal [Leez/TBK7/29/649-650]*

*P: Bagi saya alat bantu mengajar yang digunakan oleh Dr. sendiri dia pelbagai, menggunakan **LCD, komputer, papan putih** maknanya tidak tertumpu semata-mata pada slide. Dr. pun ada menggunakan papan putih untuk melakar, untuk huraikan makna semua. [Mawi/TBK8/29/654-658]*

*P: Salah satu yang saya tertarik dengan **video**, sebab dari segi penggunaan video itu sendiri walaupun kita tidak dapat melihat secara depan mata, secara real walaupun hanya melalui video, tapi nampak kedekatan itu lebih jelaslah kepada pelajar, dari segi pemahaman mereka. [Fiq/TBK8/30/668-674]*

*P: Guna **LCD, whiteboard**, tu je lah. [Atul/TBK5/19/422]*

*P: Dr. menggunakan **LCD, papan putih** tu dah mencukupi sebabnya ilmu yang Dr. bagi tu lagi menarik lah. [Izza/TBK5/19/425-427]*

Bagi P&P di luar kelas, iaitu merujuk kepada pelaksanaan tugas pelajar, pelbagai ABM dan BBM turut digunakan oleh pelajar bagi membantu mereka menyiapkan tugas yang diberikan. Antara ABM/BBM yang digunakan adalah seperti kamera, perisian video maker dan termasuk juga perisian multimedia.

Data Temu Bual pelajar:

*P: Menggunakan aplikasi **Video Maker Sony Vegas** kan? Ha, Sony Vegas. [Azie/TBK1/27/601-602]*

Contoh:

*P: Kami ada **guna kamera** kan? Lepas tu, pada perjumpaan seterusnya terpaksa pula **guna kamera handphone**. Jadi macam tak selari lah. Lepas tu, kami bincang lagi, nak buat sekali lagi menggunakan kamera lah. Syukur lah ada kamera stand tu, guna lah **kamera stand tu**. [Sharifah/TBK4/25/553-557]*

Menurut pelajar, alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan dalam P&P Bahasa Melayu dapat membantu pembelajaran mereka. Pelajar juga menyatakan bahawa mereka lebih mudah memahami apa yang disampaikan oleh pensyarah dan dapat mengurangkan rasa bosan mereka semasa P&P berlangsung.

Data Temu bual pelajar:

*P: ABM ni **membantu lah meningkatkan kefahaman** saya sebab dia selari dengan diri kita. Kalau macam kelas tu dah bosan sikit, ada **tayangan video**, penggunaan **slide** tiba-tiba ada keluar suatu **kata-kata untuk kita bincangkan**, meningkatkan kefahaman lah. [Ayu/TBK3/34/758-762]*

Contoh:

*P: ABM yang digunakan oleh Pensyarah memang **sangat membantu dan kadang kala memang menarik perhatian kami**, dengan **tayangan video** yang pelbagai dan kami tidak berasa mengantuk ataupun letih lah. [Julie/TBK6/31/684-687]*

Contoh:

*P: ABM yang digunakan oleh Pensyarah tu **sangat-sangat membantu dan berkesan** sebenarnya dan kami sendiri tak ada masalah untuk menyalin nota, walaupun kadang-*

kadang Dr. terangkan slide tu bukanlah laju, tapi...tak adalah, ada sesetengah kawan yang tak sempat untuk menyalin nota, tapi pada saya sendiri, saya tak ada masalah, sebab saya sendiri dah mencetak nota daripada yang Dr. dah muat naik di portal. Selingan-selingan yang Dr. masukkan untuk video tu, membantu lah untuk kefahaman macam topik dialek, bahasa...ha semua tu. [Ika/TBK6/31/690-700]

Berdasarkan maklumat yang diperoleh menerusi temu bual pelajar, temu bual pensyarah dan pemerhatian, dapatan kajian mendapati, peserta kajian utama, aiiitu pensyarah Bahasa Melayu menggunakan pelbagai ABM/BBM bagi tujuan membantu melancarkan lagi proses P&P yang beliau kendalikan. Penggunaan ABM/BBM mampu menarik minat pelajar untuk terus memberikan fokus terhadap proses P&P yang berlangsung. Jadual 4 yang berikut menunjukkan ABM/BBM yang digunakan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Jadual 4: ABM/BBM yang Digunakan dalam PBP

Bil.	ABM/BBM	Dalam Kelas	Luar Kelas
1.	Slaid Power Point	√	-
2.	Tayangan Video	√	-
3.	Lirik Lagu	√	-
4.	Rencana	√	-
5.	Petikan Kata-Kata	√	-
6.	Buku	√	-
7.	Lembaran Nota	√	√
8.	Iklan TV	√	-
9.	Artikel	√	-
10.	Petikan Berita	√	√
11.	Internet	√	-
12.	You Tube	√	√
13.	Jurnal Atas Talian	√	√
14.	Papan Putih	√	-
15.	LCD/Projektor	√	-
16.	Komputer	√	√
17.	Tetikus Wireless	√	-
18.	Kamera Digital	-	√
19.	Perisian Multimedia	-	√
20.	Compact Disc (CD)	√	-

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pemilihan alat dan bahan bantu mengajar (ABM/BBM) juga mempengaruhi pelaksanaan PBP di dalam kelas Bahasa Melayu. Berdasarkan kajian Khadijah dan Shahrin (2006), mendapati bahawa kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang isi pembelajaran meningkat apabila guru menggunakan ABM yang sesuai. Penggunaan alat dan bahan bantu mengajar dapat membantu untuk mempelbagaikan bentuk pengajaran, meningkatkan minat pelajar, meningkatkan penggunaan pelbagai deria pelajar, memudahkan pelajar memahami perkara yang abstrak atau susah dilakukan, menyokong gaya pembelajaran berbeza pelajaran serta dapat menggambarkan sikap profesional pensyarah. Menurut Hubbard (2009), prinsip dan kaedah pemilihan bahan bantu mempunyai beberapa ciri. Ciri yang penting ialah, menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk

menimba pengalaman pembelajaran, memenuhi aspirasi pembelajaran yang cekap dalam persekitaran aktif dan dinamik, mempunyai unsur afektif, sikap, minat dan tingkah laku dan mempunyai sifat yang selari dengan aspirasi falsafah pendidikan negara.

Dalam kajian ini, peserta kajian didapati menggunakan pelbagai alat dan bahan bantu mengajar bagi tujuan menarik minat pelajar, di samping dapat membantu melancarkan proses PBP. Menurut Kamarul Azmi et al. (2011), penggunaan alat dan bahan bantu mengajar menjadikan fungsi pensyarah sebagai pemudah cara dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan hanya 25% penglibatan pensyarah dalam P&P di dalam kelas. Pemilihan dan penggunaan ABM dan BBM dalam P&P Bahasa Melayu dipengaruhi oleh topik yang dibincangkan, isi pelajaran yang disampaikan dan kesannya terhadap pembelajaran pelajar. Dalam kajian ini antara ABM dan BBM yang digunakan oleh pensyarah ialah seperti slaid power point, tayangan video, lirik lagu, rencana, petikan kata-kata, buku, lembaran nota, iklan TV, artikel, petikan berita, internet, *You Tube*, jurnal atas talian, papan putih, LCD/Projektor, komputer, tetikus *wireless*, kamera digital, perisian multimedia dan compact Disc (CD). Semua alat dan bahan bantu mengajar ini digunakan oleh pensyarah dan pelajar bagi memastikan P&P dapat berjalan dengan lancar.

Berdasarkan dapatan pemerhatian, alat dan bahan bantu mengajar yang kerap digunakan oleh pensyarah semasa P&P di dalam kelas ialah slaid power point dan tayangan video. Kajian Clark (2008) dan Mantei (2000) mendapati, penggunaan power point sangat berkesan dari segi pedagogi. Hal ini demikian kerana, power point dapat memberi kepelbagaian dalam persekitaran pembelajaran di samping dapat merangsang minat pelajar. Selain itu, kajian psikologi turut membuktikan bahawa maklumat verbal akan lebih mudah diingati jika disertai dengan imej visual (Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa, 2017). Manakala, penggunaan tayangan video pula sangat digemari oleh para pelajar. Berdasarkan temu bual, pelajar menyatakan bahawa dengan adanya tayangan video, tahap pemahaman mereka terhadap isi pelajaran yang disampaikan meningkat. Tayangan video juga dapat memberi gambaran yang lebih dekat kepada pelajar tentang sesuatu isu yang dibincangkan, berbanding jika hanya disampaikan melalui kuliah semata-mata. Menurut Ab. Halim Tamuri, Khadijah dan Shahrin (2010), penggunaan video dapat melatih suatu kemahiran tanpa pengalaman sebenar serta pelajar berpeluang melihat peristiwa yang tidak dapat dilihat dengan mata mereka sendiri. Selain itu, dengan adanya muzik, drama, dialog yang terdapat dalam tayangan video tersebut dapat meninggalkan kesan terhadap pembelajaran kepada pelajar. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Zakaria (2011) yang mendapati bahawa, ABM yang kerap kali digunakan dalam P&P berpusatkan pelajar ialah buku teks dan bahan fotostat.

Selain slaid power point dan tayangan video, dapatan kajian turut mendapati dalam P&P Bahasa Melayu, pensyarah dan pelajar juga menggunakan *You tube* sebagai bahan bantu mengajar. Kajian yang dijalankan oleh Kee-Man Chua (2013) menjelaskan bahawa *You Tube* banyak digunakan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur. Namun dalam P&P Bahasa Melayu, *You Tube* digunakan sebagai daya tarikan kepada para pelajar untuk mengikuti P&P, selain meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Di samping itu, penggunaan perisian multimedia lain juga didapati dapat menarik minat pelajar mengikuti P&P. Hal ini selari dengan dapatan kajian Zamri dan Nur Aisyah (2011) yang menyatakan bahawa perisian multimedia membantu memudahkan kaedah pengajaran pensyarah daripada strategi berpusatkan pensyarah kepada strategi berpusatkan pelajar.

Daripada dapatan ini, dapat dinyatakan bahawa, untuk melaksanakan PBP dalam P&P Bahasa Melayu, pelbagai ABM dan BBM boleh digunakan sama ada ABM dan BBM konvensional seperti buku, nota, artikel dan rencana atau ABM dan BBM berbentuk multimedia dan penggunaan teknologi seperti bahan daripada internet juga boleh turut digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, penggunaan teknologi maklumat dan internet membantu proses pembelajaran pelajar dan meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Dapatan ini selari dengan kajian Rusnani dan Rosseni (2006) yang menyatakan bahawa, penggunaan internet dalam P&P mampu mengubah minat pembelajaran seseorang pelajar. Selain itu, dapatan kajian ini turut menyamai dapatan kajian Faizah dan Rohaya (2003) yang mendapati bahawa, pembelajaran berasaskan web dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Manakala, kajian Maslina dan Mohamad Firuz (2004) juga mendapati bahawa, 25 % pelajar menyumbang secara aktif dalam pembelajaran dan belajar secara sendiri dengan adanya teknologi dan internet.

Selain itu, kajian Warschauer dan Meskill (2000) dan Jung (2006) juga turut mendapati bahawa penggunaan teknologi dapat meningkatkan motivasi pelajar dan menghasilkan kecekapan berbahasa. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa, dalam kajian ini penggunaan pelbagai ABM dan BBM termasuklah penggunaan internet, multimedia dan web dapat membantu merealisasikan pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu. Bertepatan dengan kajian Mohd Arif, Zamri dan Norizan (2008) yang menjelaskan bahawa, penggunaan multimedia dan internet mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran serta menarik minat pelajar untuk belajar dengan lebih efektif dan baik. Hal ini demikian kerana, penggunaan teknologi, internet dan multimedia membolehkan maklumat pengajaran dan pembelajaran dapat diakses oleh pelajar dengan lebih cepat, mudah dan berkesan.

Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa, untuk melaksanakan PBP dalam P&P Bahasa Melayu, pemilihan ABM dan BBM yang sesuai juga amat penting. Pemilihan dan penggunaan ABM dan BBM yang dapat menggalakkan pelajar belajar secara sendiri amat digalakkan, terutamanya yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat. Hal ini demikian kerana, penggunaan teknologi maklumat dalam P&P dapat memberikan keseronokan kepada pelajar, mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran serta memudahkan pelajar mendapatkan maklumat mengikut kemampuan masing-masing (Rohani, 2011). Penggunaan teknologi maklumat dalam sesuatu P&P secara berkesan dan efisien membolehkan pelajar mencari, menganalisis dan menilai maklumat, pelajar menjadi pengguna maklumat, melakukan penyelesaian masalah dan menggunakan teknologi secara kreatif dan efektif. Penggunaan teknologi maklumat dalam P&P juga dapat merangsang pelajar untuk berfikir, melihat dan berimajinasi tentang apa yang mereka pelajari.

Selain itu, pengetahuan pensyarah terhadap perkembangan teknologi seperti penggunaan multimedia dan internet dalam P&P juga perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana, dengan adanya pengetahuan pensyarah terhadap penggunaan teknologi dalam P&P dapat membantu merealisasikan pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu. Seperti mana yang dinyatakan oleh Dias dan Atkinson (2001), sebelum pensyarah menerapkan penggunaan teknologi maklumat di dalam kelas, pensyarah tersebut perlu bersikap positif dengan meningkatkan kemahiran diri yang ada agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lancar. Kajian Melvina Chung dan Jamaludin (2010) menyatakan bahawa, para pendidik Bahasa Melayu menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan ICT dalam P&P. Namun, pengetahuan dan kemahiran pendidik Bahasa Melayu masih berada di tahap sederhana. Hal yang sama turut dinyatakan oleh Zamri dan Mohd Amin Embi (2008) yang menjelaskan

bahawa, masih terdapat pendidik Bahasa Melayu yang tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk mengendalikan P&P berasaskan teknologi. Oleh itu, dapatan kajian ini mendapati pensyarah Bahasa Melayu perlu mempunyai pengetahuan dan berkemahiran untuk menggunakan teknologi maklumat. Hal ini demikian kerana, penggunaan ABM dan BBM serta teknologi maklumat seperti internet dan bahan multimedia lain dapat menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam P&P dan seterusnya mempengaruhi pelaksanaan P&P dalam P&P Bahasa Melayu di IPT.

Kesimpulan

Pemilihan ABM/BBM yang sesuai amat mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan sesuatu proses P&P terutama pembelajaran berpusatkan pelajar. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar, menurut Lawson et al. (1975), menggunakan kaedah berpusatkan pelajar bukanlah aktiviti yang mudah dan senang, kerana pensyarah atau guru harus menjadi perancang yang teliti untuk menghasilkan bahan bagi melaksanakan proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, meski terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi untuk melaksanakan proses P&P berpusatkan pelajar, namun dengan kebijaksanaan pensyarah dan guru Bahasa Melayu, cabaran-cabaran tersebut pasti dapat diatasi. Apa yang penting ialah semangat untuk mengubah kaedah pengajaran yang lama kepada kaedah pengajaran yang lebih praktikal serta keinginan untuk menambah baik kualiti pengajaran sedia ada. Hasilnya, diharap produk yang dihasilkan, iaitu modal insan yang lahir hasil daripada pelaksana berpusatkan pelajar akan menjadi lebih berdikari, berfikiran kreatif dan kritis serta mempunyai kemahiran insaniah yang baik. Oleh itu, pensyarah dan guru perlu membuat persiapan yang teliti termasuklah bersedia menggunakan pelbagai ABM/BBM yang terkini bersesuaian dengan perkembangan pedagogi abad ke-21 serta peka terhadap perkembangan teknologi terkini sebelum melaksanakan P&P berpusatkan pelajar dalam pengajaran mereka, agar pelaksanaannya nanti berjalan dengan lancar.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin. (2010). Kaedah pensyarahan Pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dlm Ab. Halim Tamuri & Nik Rahimi (pynt). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahamad Sipon. (2005). Perutusan Hari Guru 2005. <http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm> [20 Feb 2009].
- Alizah Lambri (2015) *Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Di Sebuah Universiti Awam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamood. (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Mohamad Alia, Norizal Abdul Karim@SAB, Anita Mohamed, Noraihan Ismail. (2018). Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif dalam Subjek Kemahiran Dinamika bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke-21. *Jurnal Sains Humanika*. 10:3-2 (2018):47-55.
- Clark, J. 2008. Power Point and Pedagogy. *College Teaching*, 56(1): 39-45.
- Dias, L.B & Atkinson. (2001). Technology Integration: Best Practices and Where Do Teaches Stand? *International Electronic Journal for leadership in learning* 5(10). Diperoleh daripada <http://www.ucalgary.ca/-iejll/volume5/dias.html>.
- Faizah & Rohaya. (2003). Autonomous Learning: A Comparison of The Web-Based and Paper-Based Learning Models. *Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan*. 19-21 Oktober (2003). Johor: Universiti Teknologi Malaysia: 17-25.

- Jung-Chuan Chen. (2006). Enhancing Technology College Students' English Listening Comprehension. *Listening Journals*, 143-160.
- Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaludin. (2006). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam: Penilaian Kendiri Guru Pendidikan Islam. *Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kee-Man Chuah. (2013). Aplikasi Media Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi Pelajar Universiti. *Issues in Language Studies* 2(1), 56-63.
- Lawson, A.E. & Renner, J.W. (1975). Relationship of Science Subject Matter and Developmental Levels of Learners. *Journal of research in Science Teaching*, 12 (4): 347-358.
- Mantei, E.J. (2000). Using internet class notes and power point in the physical geology lecture. *Journal of College Science Teaching*, 29 (5): 301-305.
- Maslina Mohtar & Mohamad Firuz Jelaludin. (2004). Penggunaan ICT dalam Pembelajaran Pembezaan Yang Berpusatkan Pelajar. [http://www.mlcs.sg/home/images/MLCSGallery/Seminar2012Papers/20.%20Penggunaan%20Pembelajaran%20Pembezaan%20Berpusatkan%20Pelajar%20Yang%20Berkesan%20\(Moha med%20firuz%20jaleludin\).pdf](http://www.mlcs.sg/home/images/MLCSGallery/Seminar2012Papers/20.%20Penggunaan%20Pembelajaran%20Pembezaan%20Berpusatkan%20Pelajar%20Yang%20Berkesan%20(Moha%20med%20firuz%20jaleludin).pdf). [November 2013].
- Melvina Chung & Jamaludin Badusah. (2010). Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Pengajaran Di Sekolah-Sekolah Rendah Di Bintulu Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1): 59-65.
- Mohamed Nor Azhari Azman, Nur Amierah Azlia, Ramlee Mustaphaa, Balamuralithara Balakrishnan dan Nor Kalsum Mohd Isa. (2014). Penggunaan Alat Bantu Mengajar ke Atas Guru Pelatih Bagi Topik Kerja Kayu, Paip dan Logam. *Jurnal Sains Humanika*, 3:1 (2014): 77-85.
- Mohd Arif, Zamri dan Norizan. (2008). Multimedia dan Aplikasinya dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Dlm Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi (pnyt). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu; Teori dan praktis*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Mohamed Khaled Nordin. (2010). *Pelancaran pelan tindakan fasa 2 PSPTN*. Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2008). *Pedagogi Untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Nur Fadzilah Othman. (2010). *Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohani Aziz. (2011). *Pengetahuan, Sikap Dan Kemahiran ICT di Kalangan Guru-Guru Matematik Di Sekolah Menengah Negeri Pahang*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusnani Abdul Kadir & Rosseni Din. (2006). Computer Mediated Communication: A Motivational Strategy Toward Diverse Learning Styles. *Jurnal Pendidikan*, 31: 41-51.
- Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa. (2017). *Pedagogi Abad ke-21*. Sasbadi Sdn Bhd: Selangor.

- Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah. (2011). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol. 1 (2)* November 2011. ISSN:2180-4842.
- Walker, S.E. (2003). Active Learning Strategies to Promote Critical Thinking. *Journal of Athletic Training, 38 (3)*: 263-267
- Warschauer, M & Meskill, C. (2000). Technology and Second Language Learning. In Rosenthal, J. Mahwah (pnyt). *Handbook of Undergraduate Second Language Education*. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Zakaria Abdullah. (2011). *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Mohamad Amin Embi. (2008). *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Teori Dan Praktis*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Nor. (2011). Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies, 11(3)*.